

Kakitangan JUPEM Sarawak Terlibat Nahas Helikopter



“Berpantang maut sebelum ajal” merupakan ungkapan yang sesuai buat En. Razali Hassan, kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Sarawak yang terselamat dalam nahas helikopter, jenis Bell 206 Long Ranger milik Hornbill Skyways Sdn. Bhd. (Hornbill Skyways) kejadian nahas tersebut berlaku di Bukit Batu Tiban, Ulu Baleh, Kapit, Sarawak pada 25 Julai 2005. Tragedi ini berlaku ketika helikopter yang dipandu kapten Razali Sani yang turut bersamanya tiga penumpang, terputus hubungan dengan menara kawalan di Kota Kinabalu selepas meninggalkan penempatan masyarakat Kenyah di Long Singut pada 10:20 pagi, bagi menjalankan kerja-kerja penandaan sempadan Sarawak-Kalimantan Barat. Kejadian berlaku dipercayai akibat angin kencang, ketika helikopter, sedang melakukan pendaratan cemas di bukit berkenaan.

Menceritakan saat cemas sebelum pesawat itu terhempas, En. Razali Hassan, satu-satunya mangsa yang terselamat dalam nahas negeri itu

berkata helikopter berkenaan telah dipukul angin lintang ketika hampir mendarat di puncak bukit tersebut.

Bagi En. Razali Hassan, pengalaman enam hari tersebut cukup menyeksakan kerana beliau terpaksa tidur dalam bangkai helikopter bersama mayat rakan sendiri. Ini merupakan antara pengalaman getir bagi En. Razali Hassan di kawasan hutan tebal Ulu Baleh sebelum diselamatkan. Bekalan biskut masin serta air yang dibawa menjadi penyambung nyawanya, selain surah Yasin yang dibaca untuk menguatkan semangat beliau.

Namun begitu ajal dan maut adalah ketentuan tuhan, mangsa terakhir En. Ramli bin Jamal, kakitangan JUPEM Sarawak dijumpai terkorban di bawah helikopter yang terhempas, setelah lima hari operasi menyelamat dijalankan oleh pihak keselamatan.

[bersambung ke ms3](#)

Detik Sejarah JUPEM

Pada tahun 1946, Semua Jabatan Ukur disatukan di bawah Pentadbiran Juruukur Negara

Sidang Pengarang

Penaung

Dato' Hamid Ali,
DIMP, KMN, PMC, PJC

Penasihat

Dr. Abdul Kadir Taib SDK, KMN

Pengerusi

Ahamad bin Zakaria

Ketua Pengarang

Amran bin Abu Rashid

Pengarang

Abdul Hamid bin Che Amat
Mohamad Rosli bin Mursidi
K. Sivaganam

Ketua Reka Bentuk/Pencetak

Muhammat Puzi bin Ahmat, KSD

Makluman

Semua pendapat dan buah fikiran dalam Berita Ukur ini tidak semestinya pendapat rasmi pentadbiran jabatan. Sidang Pengarang Berita Ukur mengalu-alukan sumbangan dari pembaca.

Segala bahan-bahan hendaklah dikemukakan melalui Ketua Jabatan dan dialamatkan kepada:

**Pengerusi
Penerbitan Berita Ukur
Tingkat 4,
Bangunan Ukur
Jalan Semarak
50578 Kuala Lumpur**
Tel: 03-26170800
Fax: 603-26170990

Rencana Pengarang

MENUNTUT ILMU tiada mempunyai masa yang terhad, sama ada belajar secara formal atau tidak formal tanpa mengira umur dan kedudukan seseorang.

Pembelajaran ialah proses pemerolehan maklumat dan pengetahuan, penguasaan kemahiran dan tabiat serta pembentukan sikap dan kepercayaan. Proses pembelajaran berlaku sepanjang hayat seseorang manusia. Proses pembelajaran berlaku di mana-mana dan pada sebarang masa.


Amalan pembelajaran akan membawa kepada perubahan pada kakitangan JUPEM yang merupakan aset negara. Walau bagaimanapun perubahan yang disebabkan oleh kematangan seperti berjalan dan makan ataupun penyakit dan kelaparan tidaklah dianggap sebagai pembelajaran. Kamus Dewan mentakrifkan pembelajaran sebagai proses belajar untuk memperoleh ilmu pengetahuan dan menjalani latihan.

Menurut pandangan ahli kognitif, pembelajaran boleh ditakrifkan sebagai satu proses dalaman yang menghasilkan perubahan tingkah laku yang agak kekal. Manakala aliran behavioris pula berpendapat bahawa pembelajaran ialah perubahan dalam tingkah laku, iaitu cara seseorang bertindak dalam suatu situasi. Dalam psikologi humanis pembelajaran dianggap proses yang dapat membantu seseorang mencapai sempurna sendiri dan nilai individu.

Pelbagai kaedah pembelajaran perlu dikuasai dan diamalkan oleh warga JUPEM. Antaranya strategi inovatif yang berasaskan teknologi seperti perbincangan dengan rakan yang jauh, pembelajaran jarak jauh, penggunaan data sebagai sumber maklumat, memproses maklumat dan menghubungkan dapatan; merujuk ensiklopedia elektronik; belajar dari *courseware* elektronik dan komunikasi elektronik. Memandangkan senario abad ke 21, yang membayangkan kegunaan komputer yang begitu meluas seperti berlaku di JUPEM, pengajaran dan pembelajaran dengan bantuan komputer akan menjadi satu kaedah yang ditumpukan.

Ini juga bersesuaian dengan prinsip '*mastery learning*' yang mana setiap kakitangan boleh belajar tanpa bimbingan seseorang. Walau bagaimanapun peranan tenaga pengajar sebagai *mualim*, *murabbi*, *muaddib*, *muhallil*, dan *qiadi* masih kekal, malah perlu dimantapkan khususnya dalam menghadapi 'krenah globalisasi'.

Kita sering mendengar ungkapan kata-kata mutiara seperti, "menuntut ilmu sehingga negeri china," ini boleh dijadikan motivasi kepada warga JUPEM agar menuntut ilmu pengetahuan dan kemahiran supaya tidak ketinggalan dalam menghadapi arus pemodenan di JUPEM.

Perubahan zaman daripada era manual ke era digital dalam aktiviti-aktiviti ukur dan pemetaan memerlukan kakitangan yang berpengetahuan dan menguasai pelbagai kemahiran dalam menghadapi tugas untuk mencapai objektif organisasi. 

Renungan

Telah bersabda Rasulullah S.A.W. "Menuntut ilmu itu wajib bagi setiap Muslim"

bersambung dari ms1

Warga JUPEM merakamkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham En. Ramli bin Jamal, kakitangan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) Sarawak, semoga rohnya dicucuri rahmat oleh Allah. Beliau terkorban bersama-sama dua mangsa lain iaitu Kapten Razali bin Sani, (juruterbang) dan Koperal Empeni Karong, dari Unit Semboyan 9 Brigid Sibu Sarawak.

Menurut cerita En. Razali bin Hassan “Ketika kejadian, En. Ramli membuka pintu pesawat dan tiba-tiba angin lintang bertiup kuat ke arah helikopter menyebabkan Kapten Razali Sani hilang kawalan. Keadaan itu mengakibatkan En. Ramli tercampak keluar dan helikopter menjunam ke bawah bukit dan terhempas, saat itu En. Ramli menemui ajalnya”.

Sebagai saudara se Islam, susulan dari kejadian tersebut, warga JUPEM Ibu Pejabat melalui Jemaah Kebajikan Islam, telah mengadakan majlis bacaan surah Yasin dan doa selamat pada 3 Ogos 2005 bertempat di surau JUPEM, khas untuk disedekahkan kepada Allahyarham En. Ramli Jamal, kakitangan JUPEM Sarawak dan mangsa-mangsa yang terkorban dalam nahas tersebut.



Menurut En.Razali lagi, “Saya pengsan selepas kejadian itu. Apabila sedar dua jam kemudian, saya buntu dan bingung. Saya terus mencari surah Yasin dan membacanya untuk memulihkan semangat. Bila pulih saya nampak Empeni (Koperal Empeni Anak Karong) yang berada berhampiran, tidak bernyawa lagi”.

“Kapten Razali pula tercampak keluar, kira-kira tiga meter dari helikopter yang putus tiga akibat hentakan kuat,” katanya yang masih dalam keletihan dan trauma.

Dua orang kakitangan JUPEM Sarawak yang terlibat dengan nahas helikopter tersebut, ditugaskan untuk membantu pasukan ukur yang telah tiba dahulu di lokasi berkenaan untuk kerja-kerja pengukuran bagi penandaan batu persempadanan antarabangsa Sarawak - Kalimantan Barat.

Di antara orang kenamaan yang hadir adalah Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Mahmud Taib dan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), YB Dato’ Sri Hj. Adenan bin Hj. Satem serta Ketua Setiausaha NRE dan Ketua Pengarah JUPEM, Dato’ Hamid bin Ali.



Lawatan Kerja Syarikat Antaragrafik System Sdn. Bhd.

Pada 19 Ogos 2005, JUPEM telah menerima lawatan daripada Puan Preetha Pulusani, presiden *Intergraph Security, Government and Infrastructure (SG&I)* dan kakitangan syarikat Antaragrafik System Sdn. Bhd. Lawatan ini telah disambut oleh Dr. Abdul Kadir bin Taib, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia bersama pegawai-pegawai kanan JUPEM, bertempat di Bilik Mesyuarat Tingkat 1, Bangunan Ukur, Kuala Lumpur.

Tujuan lawatan ini adalah untuk melihat dengan lebih dekat tentang keperluan-keperluan yang boleh dimanfaatkan dalam penggunaan sistem komputer dan masalah penggunaan sistem komputer yang berlaku di sepanjang tempoh perkhidmatan yang diberikan oleh mereka kepada JUPEM.

Sesi lawatan ini dimulakan dengan taklimat aktiviti pemetaan dan penggunaan sistem-sistem yang ada di JUPEM. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh Encik Wan Zainuddin bin Wan Yusoff, Pengarah Ukur Seksyen (Penawanan Data), JUPEM.

Di dalam sesi perbincangan yang diadakan, Dr. Abdul Kadir bin Taib telah menyentuh beberapa perkara berkenaan sistem komputer dan aktiviti pemetaan yang telah dan akan dijalankan oleh JUPEM. Antara perkara yang disentuh oleh beliau adalah berhubung dengan pemetaan utiliti yang akan dilaksanakan oleh jabatan ini sebagai satu perkhidmatan yang akan membantu menjana pembangunan negara.

Berdasarkan keadaan pemetaan utiliti pada masa ini yang dijalankan oleh pihak swasta tanpa

pengawasan dan keseragaman dalam kaedah pemetaan yang betul, pelbagai masalah di antara syarikat-syarikat utiliti telah timbul dan secara tidak langsung memberi kesulitan kepada orang awam. JUPEM telah tampil ke hadapan dan bersedia untuk memikul tanggungjawab dalam menangani masalah tersebut.

Sebagai persediaan untuk pelaksanaan pemetaan utiliti ini, JUPEM telah mendapatkan khidmat pakar daripada pelbagai agensi kerajaan dan syarikat swasta yang berkaitan. Selain menjemput atau bertemu dengan mereka, JUPEM juga amat mengalu-alukan lawatan seperti ini. Kesempatan yang ada ini tidak dilepaskan oleh JUPEM dan dengan itu juga Dr. Abdul Kadir meminta semua pegawai-pegawai yang hadir berinteraksi dengan pihak *Intergraph Security, Government and Infrastructure (SG&I)* dan syarikat Antaragrafik System Sdn. Bhd. untuk mendapatkan maklumat sebanyak yang mungkin.

Tuan Haji Mohamad Kamali bin Adimin daripada Seksyen Kartografi telah mengambil peluang yang diberikan ini dengan meminta penjelasan daripada pihak *Intergraph Security, Government and Infrastructure (SG&I)*, berkenaan perkhidmatan yang boleh ditingkatkan bagi membantu JUPEM menjalankan aktiviti pemetaan yang lebih berkualiti.

Puan Preetha Pulusani menjelaskan bahawa produk-produk *Intergraph* telah dipertingkatkan dari segi keupayaannya untuk pengguna-pengguna di serata dunia, kamera digital yang berkejituan tinggi dan produktif, merupakan satu contoh produk





mereka yang terkini. Beliau mewakili pihak syarikatnya juga bersedia untuk bekerjasama dengan lebih erat dan akan menyediakan perkhidmatan yang diperlukan oleh JUPEM pada masa-masa hadapan.

Sebagai mengakhiri sesi perbincangan dan lawatan ini, Dr. Abdul Kadir bin Taib turut menjelaskan



bahawa pihak kerajaan akan memberi sokongan kepada sektor awam dalam meningkatkan keupayaan penggunaan perisian-perisian komputer, khususnya terhadap perisian yang dapat membantu menjalankan tugas-tugas yang dilaksanakan sama ada di pejabat atau lapangan sebagai satu proses pemodenan jabatan-jabatan kerajaan. ■

Pelancaran dan Seminar CCS

Seminar dan bengkel serta pelancaran, *Coordinated Cadastral System (CCS)*, e-Kadaster 2Y to 2M anjuran JUPEM telah diadakan pada 26 hingga 27 Julai 2005 bertempat di Hotel Renaissance, Melaka Bandaraya Bersejarah. Peserta seminar ini terdiri daripada kakitangan JUPEM, Juruukur Tanah Berlesen dan golongan profesional yang terlibat dalam bidang ukur tanah.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Dalam ucapan perasmian beliau meminta para hadirin bertafakur sebentar sebagai penghormatan kepada kakitangan JUPEM yang terlibat nahas helikopter di Sarawak semasa menjalani tugas rasmi jabatan. Seterusnya dalam ucapan perasmian itu beliau menyatakan perubahan teknologi penentududukan (*positioning*) di samping teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) telah membolehkan kerja-kerja ukuran dijalankan secara lebih mudah, cepat dan tepat. Projek e-Kadaster yang bakal dilaksanakan oleh JUPEM menggabungkan teknologi ICT, ukur dan penentududukan melalui modul-modul Sistem Ukur Maya (SUM), Sistem Keutuhan Data Kadaster (SKDK) dan Sistem Kadaster Berkoordinat (CCS) yang akan dibangunkan. Pelaksanaan projek ini akan memantapkan lagi sistem penyampaian perkhidmatan ukur kadaster negara serta mampu

memendekkan urusan hak milik tanah daripada dua tahun kepada dua bulan.

Menurut beliau lagi, pelaksanaan CCS dilihat mampu mewujudkan pangkalan data kadaster berkualiti tinggi dan membolehkan aplikasi teknologi GPS digunakan secara *total* di bidang ukur kadaster. Penyelidikan bagi tujuan ini sebenarnya telah pun bermula sejak 1996 lagi melalui kerjasama di antara JUPEM dengan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan dibiayai oleh Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia. Hasil dari pelaksanaan projek perintis di Melaka menunjukkan bahawa CCS boleh dilaksanakan tanpa halangan yang besar dan seterusnya akan memendekkan urusan ukuran hak milik tanah sehingga penyediaan pelan hak milik kepada dua bulan.

Oleh itu, beliau menyeru kepada semua pihak yang terlibat dalam bidang ukur kadaster terutamanya Juruukur Tanah Berlesen dan Pentadbir Tanah serta seluruh warga JUPEM sendiri agar peka terhadap perubahan-perubahan yang berlaku dengan pelaksanaan CCS kelak. Beliau juga berharap agar para peserta seminar dapat memanfaatkan forum ini untuk memahami, menghayati dan memberikan kerjasama ke arah pelaksanaan CCS, bagi memastikan kelancaran perkhidmatan ukur kadaster negara dengan lebih efisien lagi. Sebelum ucapan



Oleh Tn. Hj. Alwi bin Mohd Noor
Ketua Penolong Pengarah Ukur, Bahagian Kadaster,
JUPEM

Kertas 5

Social and Economic Impact of CCS Implementation

Oleh Profesor Madya Ghazali bin Desa
Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, UTM

Objektif pembentangan kertas kerja di seminar dan bengkel tersebut adalah untuk memberi kesedaran terhadap konsep asas *coordinated cadastral system* (CCS), memberi kefahaman berkenaan model pelaksanaan CCS Semenanjung Malaysia, memberi pendedahan berkenaan modul-modul dalam pelaksanaan CCS, menyedarkan peranan dan tanggungjawab dalam menjayakan pelaksanaan CCS serta menggariskan hala tuju CCS bagi membantu memperkasa sistem penyampaian ukur kadaster negara.

Penggunaan kaedah *least square adjustment* untuk membuat pelarasan data ukuran dalam CCS ini, akan membuka ruang kepada mempelbagaikan kaedah cerapan data yang nyata lebih ringkas dan mudah. Dalam hal yang demikian, satu prosedur kerja ukur yang berorientasikan CCS perlu dibangunkan bagi membolehkan kerja ukur kadaster dilaksanakan dengan efisien di samping memelihara kejaitan hasil ukuran



perasmian Pengerusi Seminar Sistem Kadaster Berkoordinat (CCS), Y.Bhg. Dr. Abdul Kadir bin Taib telah menyampaikan kata-kata aluan.

Tajuk-tajuk dalam pembentangan kertas kerja di seminar dan bengkel sempena dengan pelancaran itu ialah :

Kertas 1

CCS: From Concept to Reality

Oleh Profesor Dr. Abdul Majid bin A. Kadir
Fakulti Kejuruteraan dan Sains Geoinformasi, UTM

Kertas 2

GDM2000 and CCS Infrastructure

Oleh Dr. Samad bin Abu
Pengarah Ukur Seksyen Geodesi, JUPEM

Kertas 3

Re-Population and Re-Coordination of DCDB

Oleh En. Padzillah bin Che Ros
Pengarah Ukur Negeri, JUPEM Melaka

Kertas 4

Cadastral Survey Procedures Under CCS Environment



Pelaksanaan CCS secara keseluruhannya dilihat dapat mengurangkan aliran proses kerja ukur atau kutipan data dan juga proses mengemaskinikan NDCDB. Peraturan ukur yang disediakan ini akan dapat memudahkan serta mempercepatkan operasi ukuran di lapangan. Ini merupakan pemangkin kepada hasrat jabatan dalam merealisasikan *delivery system* (penyediaan plan hak milik tanah) di JUPEM Negeri dipercepatkan iaitu daripada dua tahun kepada dua bulan (*2 y to 2 m*).

Kempen Kibar Jalur Gemilang

Bahang sambutan Hari Kebangsaan 31 Ogos tahun ini semakin terasa apabila semakin ramai yang mengibarkan Jalur Gemilang. Sambutan ulang tahun Hari Kemerdekaan ke-48 sememangnya tidak lengkap jika tidak disertai dengan aktiviti mengibarkan Jalur Gemilang yang menjadi kebanggaan negara kita.

Bertempat di perkarangan Wisma Tanah, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE), Majlis Pelancaran Bulan Kemerdekaan dan Kempen Kibar Jalur Gemilang 2005 telah diadakan pada 24 Ogos 2005 oleh NRE yang



dihadiri oleh ketua-ketua jabatan di bawahnya. Majlis dimulakan dengan nyanyian lagu Negaraku, persembahan koir JUPEM dan bacaan doa. Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Isahak bin Yeop Mohamad Shar, Ketua Setiausaha NRE, mewakili Y.B. Dato' Sri Hj. Adenan bin Hj. Satem, merasmikan pelancaran Jalur Gemilang peringkat NRE tahun 2005. Beliau mengambil kesempatan dalam ucapan perasmian, dengan meminta para hadirin bertafakur seketika bagi mengingati peristiwa nahas helikopter di Sarawak yang mengorbankan seorang kakitangan

JUPEM semasa dalam menjalankan tugas pengukuran penandaan persempadanan antarabangsa Malaysia-Indonesia dan kakitangan dari Jabatan Mineral dan Geosains meninggal di Terengganu. Kempen Kibar Jalur Gemilang ini dilakukan setiap tahun bagi mengekalkan semangat "Keranamu Malaysia" di kalangan agensi-agensi di bawah NRE.


Penyampaian Jalur Gemilang kepada ketua-ketua jabatan di bawah NRE disempurnakan oleh Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Isahak bin Yeop Mohamad Shar, Ketua Setiausaha NRE. Y.Bhg. Dato'

Hamid Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, mengetuai warga JUPEM menerima Jalur Gemilang bagi tahun 2005.

Penganjuran acara ini adalah sempena Sambutan Ulang Tahun Kemerdekaan ke-48, di mana pihak pengurusan di peringkat jabatan dan seterusnya di peringkat kementerian, dapat menyebarkan semangat merdeka dan merapatkan hubungan baik antara semua warga agensi-agensi di bawah NRE dan masyarakat. Y.Bhg. Dato' Hamid Ali, Pengarah



Ukur dan Pemetaan Malaysia, hadir sama bagi memberi sokongan kepada warga JUPEM dalam menghayati erti kemerdekaan melalui majlis ini.

Acara ini juga merupakan tanda sokongan pihak warga NRE dan semua agensi-agensinya, kepada seruan kerajaan untuk memupuk semangat patriotik di kalangan rakyat Malaysia. Penglibatan JUPEM juga adalah salah satu program komuniti bagi memenuhi tanggungjawab sosial terhadap masyarakat, selain sumbangan utama yang berterusan dalam bidang ukur dan pemetaan bagi menjana pembangunan negara. 



Delegasi JUPEM ke Batam Indonesia

Mesyuarat Khas bagi pelaksanaan *Common Border Datum Reference Frame (CBDRF)* dan *Joint Border Mapping* di sepanjang sempadan antarabangsa Malaysia - Indonesia telah diadakan di *Batam*, Indonesia pada 28 hingga 29 Julai 2005.

JUPEM telah diwakili oleh empat orang pegawai yang diketuai oleh En. Ahmad Fauzi bin Nordin, Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan), manakala Indonesia pula diwakili oleh seramai lapan orang dan diketuai oleh En. Chaerul Hafidin, *Deputy for Base Mapping, The National Coordinating Agency for Surveys and Mapping (BAKOSURTANAL)*.

Mengimbas kembali keperluan dan kepentingan kedua-dua negara susulan daripada mesyuarat khas yang telah diadakan ini, projek penandaan dan pengukuran sempadan darat antarabangsa Malaysia - Indonesia telah dilaksanakan berasaskan konvensyen dan perjanjian seperti berikut:

- (a) Konvensyen Sempadan yang ditandatangani di London pada 20 Jun 1891;
- (b) Perjanjian Sempadan yang ditandatangani di London pada 28 September 1915; dan
- (c) Konvensyen Sempadan yang ditandatangani di The Hague, Belanda pada 26 Mac 1928.

Penandaan dan pengukuran sempadan Malaysia (Sabah) - Indonesia (Kalimantan Timur) telah bermula pada 10 September 1975 dan telah siap sepenuhnya pada 13 April 1994. Jumlah keseluruhan jarak yang diukur adalah 371 km. Manakala penandaan dan pengukuran bagi sempadan Malaysia (Sarawak) - Indonesia (Kalimantan Barat) telah bermula pada 10 September 1975 dan telah siap sepenuhnya pada 31 Ogos 2004. Jumlah keseluruhan jarak yang diukur adalah 1647.8 km.

Semasa Mesyuarat ke-8 Suruhanjaya Bersama Indonesia - Malaysia yang telah diadakan di Jakarta, Indonesia dari 5 - 7 Mei 2004, mesyuarat antara lain telah bersetuju dengan dua urusan kerja dijalankan bagi kawasan persempadanan Malaysia - Indonesia, iaitu:

- (a) penggunaan *common geodetic datum* dalam kerja-kerja pengukuran sempadan darat; dan

- (b) kerja-kerja pemetaan bersama di sepanjang sempadan antarabangsa Malaysia (Sabah/Sarawak) - Indonesia (Kalimantan Timur/Kalimantan Barat)

Penyediaan *Term of Reference (ToR)* bagi *Common Border Datum Reference Frame (CBDRF)* bertujuan untuk menggariskan skop kerja serta garis panduan teknikal bagi menjalankan ukuran *Global Positioning System (GPS)* bagi mewujudkan *CBDRF* tersebut. Bagi *ToR Joint Border Mapping*, ianya bertujuan untuk menggariskan skop kerja, spesifikasi teknikal dan pelan pelaksanaan bagi pemetaan koridor seluas 10km di sempadan antarabangsa Malaysia (Sabah dan Sarawak) dan Indonesia (Kalimantan Timur dan Barat).

Pihak Indonesia telah mengemukakan cadangan *CBDRF* dan draf *ToR on the Joint Border Mapping* semasa Mesyuarat ke-34 Jawatankuasa Teknikal Bersama Malaysia - Indonesia yang diadakan pada 12 - 14 Oktober 2004 di Genting Highlands, Malaysia. Pihak Malaysia secara prinsipnya bersetuju dengan cadangan *CBDRF* dan draf *ToR Joint Border Mapping* dari pihak Indonesia.

Mesyuarat ke-29 Jawatankuasa Bersama Penandaan dan Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Indonesia yang telah diadakan pada 3 - 5 Februari 2005 di Johor Bahru, Johor, Malaysia. Pihak Malaysia telah memaklumkan bahawa pihaknya telah mengkaji *ToR on the Joint Border Mapping along the International Boundary between Malaysia and Indonesia* dan terdapat

Penandaan dan pengukuran sempadan Malaysia (Sabah) - Indonesia (Kalimantan Timur) telah bermula pada 10 September 1975 dan telah siap sepenuhnya pada 13 April 1994.



beberapa perkara teknikal yang memerlukan kajian dan penjelasan lanjut. Ekoran dari itu, satu mesyuarat khas telah diadakan khusus bagi membincang perkara yang berkaitan.

Kesimpulan dari mesyuarat khas bagi pelaksanaan *CBDRF* dan *Joint Border Mapping* di sepanjang sempadan antarabangsa Malaysia - Indonesia, telah diadakan di Batam, Indonesia pada 28 hingga 29 Julai 2005, dengan perbincangan yang telah diadakan dengan persetujuan di kedua-dua pihak


Malaysia dan Indonesia ke atas *ToR* bagi *CBDRF* dan *Joint Border Mapping*, maka kerja-kerja bagi mewujudkan datum geodetik bersama dan pemetaan bersama di persempadanan antarabangsa Malaysia-Indonesia boleh dilaksanakan. Untuk menyatakan harapan agar kedua-dua pihak dapat berusaha ke arah menyegerakan tindakan ke atas pelaksanaan *CBDRF* dan kerja-kerja pemetaan bersama. ■



Hari Bertemu Pelanggan JUPEM

Pejabat Ukur Daerah Perak Selatan dengan kerjasama Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur, telah mengadakan pameran dan kaunter khidmat pelanggan sempena program Sehari Bertemu Pelanggan dengan Y.A.B. Menteri Besar Perak Darul Ridzuan dan Y.B. Menteri Pengajian Tinggi pada 20 Disember 2005 (Selasa), bertempat di perkarangan Pejabat Daerah Batang Padang, Perak. Majlis perasmian diadakan di Dewan Merdeka, Tapah, Perak, oleh Y.A.B. Menteri Besar Perak.

Semasa lawatan Y.A.B Dato' Seri Diraja Mohd. Tajol Rosli Ghazali, Menteri Besar Perak dan Y.B. Dato' Seri Dr. Shafie Mohd. Salleh, Menteri Pengajian Tinggi Malaysia di ruang pameran dan kaunter JUPEM, mereka telah diberi taklimat oleh Juruukur Daerah Perak Selatan iaitu En. Ahmad Azmi bin Hashim berkenaan aktiviti yang dijalankan oleh JUPEM. Y.A.B. Menteri Besar Perak turut mencuba alat ukur *total station* dan melihat tarikh lahir dalam bulan Hijrah melalui perkiraan dengan menggunakan perisian astronomi yang di bawa khas dari Ibu

Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur. Di samping tayangan video korporat JUPEM dan dokumentari sempena 120 tahun JUPEM iaitu perkembangan JUPEM di peringkat awal sehingga ke era *ICT* dalam kerja-kerja ukur dan pemetaan di negara kita. Di akhir lawatan Y.A.B. Menteri Besar Perak bersama Y.B. Menteri Pengajian Tinggi menaiki helikopter ke sekitar Tapah dan Gua Tempurung di Gopeng. 



Hari Q JUPEM Kedah

“Jalan-Jalan Terpijak Duri Duri Tajam Berbagai Belati Tanam Sifat Dalam Diri Utama Budaya Kerja Berkualiti”



Pantun di atas merupakan rangkap pantun yang memenangi salah satu daripada tiga hadiah utama dalam Pertandingan Penulisan Pantun sempena program Hari Kualiti JUPEM Kedah 2005. Sambutan Hari Kualiti tersebut telah berlangsung pada hari Ahad bersamaan 2 Oktober 2005, bertempat di Dataran JUPEM Kedah, dengan bertemakan “Kualiti Teras Kejayaan”.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh En. Abdul Samad bin Bahari, Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Kedah. Majlis yang telah dihadiri oleh semua warga JUPEM Kedah ini telah berlangsung dengan ceria dan jayanya. Dalam ucapan perasmian itu, beliau mengingatkan dan memperkukuhkan betapa pentingnya nilai budaya kualiti dalam sesebuah organisasi. Hari Kualiti jabatan merupakan satu lambang yang menunjukkan komitmen warga kerja JUPEM dalam memastikan perkhidmatan dan produk yang dihasilkan adalah berkualiti tinggi serta memenuhi kehendak pelanggan.

Beliau juga mengingatkan bahawa tugas sebagai penjawat awam merupakan satu amanah yang harus dipikul dengan penuh ikhlas dan bertanggungjawab. Menurut beliau lagi, usaha perlu dipertingkatkan





dalam membantu kerajaan menangani karenah birokrasi. Selain itu, penambahbaikan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan (*delivery system*) kepada orang ramai juga perlu dilakukan.

Selain Pertandingan Penulisan Pantun, program peningkatan ilmu dan maklumat seperti Pertandingan Kuiz Kualiti yang diwakili setiap unit serta Teka Kacang Kualiti yang diadakan juga mendapat sambutan yang amat menggalakkan, secara tidak langsung objektif untuk melibatkan semua warga JUPEM telah tercapai.

Sempena dengan sambutan kali ini, JUPEM Kedah telah mengadakan sesi ceramah kualiti bersama Y.Bhg. Ustaz Idris bin Ismail, Imam Masjid Kulim (Pegawai Agama Islam Kulim) dengan tajuk “Etika Kerja”.

Sambutan Hari Kualiti JUPEM Kedah telah berlangsung dengan penuh gemilang dan dimeriahkan lagi dengan persembahan kumpulan koir yang terdiri daripada kakitangan JUPEM Kedah.



JUPEM Negeri Sabah Terima Anugerah Kualiti (Q)

Pada 29 November 2005, bertempat di Sabah Trade Center, Teluk Likas, Kota Kinabalu Sabah, telah diadakan Hari Kualiti Perkhidmatan Awam. Pada hari tersebut JUPEM Sabah telah dinobatkan sebagai pemenang 'Anugerah Perkhidmatan Awam (AQPA) 2005'.

Sambutan Hari Q diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan serta memperkukuhkan lagi komitmen

ke arah usaha-usaha meningkatkan kualiti dan produktiviti oleh agensi-agensi kerajaan di negeri Sabah.

Majlis penganugerahan ini dianjurkan oleh Jawatankuasa Peningkatan Kualiti dan Produktiviti, Perkhidmatan Awam Persekutuan Sabah (JPQ). Majlis Pelancaran telah disempurnakan oleh Y.A.B. Datuk Musa bin Haji Aman, Ketua Menteri Sabah. Beliau turut menyampaikan hadiah kepada JUPEM Negeri Sabah sebagai pemenang anugerah itu.

Beberapa program telah dirancang sempena Hari Kualiti Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Sabah tahun 2005, antaranya ialah Pameran Q, Penyampaian Sijil MS ISO 9001:2000, Pelancaran Muzium Perkhidmatan Awam oleh Y.A.B. Datuk Musa bin Haji Aman, penyampaian sijil pemenang Konvensyen KMK Sektor Awam Peringkat Negeri Sabah tahun 2005 dan Suara Emas Perkhidmatan Awam.



Taklimat Pembangunan & Kualiti

Bahagian Pemetaan, JUPEM telah menganjurkan Taklimat Pembangunan & Pengurusan Kualiti Untuk Pekerja Rendah Awam (PRA) yang melibatkan sejumlah 250 orang kakitangan berjawatan PRA.

Objektif utama dianjurkan taklimat ini adalah untuk mempertingkatkan pengetahuan, tanggungjawab dan kemahiran bekerja PRA dalam aspek teknikal dan pentadbiran. Pada masa yang sama, ianya bertujuan untuk menangani isu kelemahan pekerja dari segi kemahiran dan juga disiplin. Di samping itu, ianya selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan bil. 6 Tahun 2005, 'Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam' yang antara lainnya mengehendaki ketua jabatan memastikan kakitangan masing-masing di semua peringkat mengikuti kursus sekurang-kurangnya tujuh hari setahun.

Encik Zakaria Saat, Pengarah Ukur Topografi Sabah menyampaikan ucapan pada majlis makan malam yang diadakan sempena dengan taklimat sesi IV di Kota Kinabalu, Sabah. Tuan Haji Hisham Ibrahim yang mewakili pihak pengurusan, menyampaikan sijil kehadiran kursus kepada peserta.

Maklum balas daripada peserta taklimat, didapati bahawa taklimat ini memberi manfaat yang besar kepada mereka terutamanya di dalam meningkatkan lagi kemahiran mengendalikan peralatan ukur yang serba moden. Di samping dapat mengenal pasti dan memperbaiki kelemahan diri, ia juga dapat mengeratkan lagi hubungan sesama anggota dalam menjalani tugas-tugas harian yang kian mencabar.



Taklimat ini telah diadakan secara lima sesi berasingan mengikut zon di Semenanjung, Sarawak dan Sabah seperti berikut :

Sesi	Tempat	Tarikh	Peserta(Wilayah)
i.	Kuantan, Pahang	28 Nov - 2 Dis 2005	Timur, Selatan
ii.	Kuching, Sarawak	5 - Dis 2005	Kuching, Sibul
iii.	Tawau, Sabah	12 - 16 Dis 2005	Tawau & Sandakan
iv.	Kota Kinabalu, Sabah	19 - 23 Dis 2005	Kota Kinabalu & Miri
v.	Port Dickson, Negeri Sembilan	26 - 30 Dis 2005	Barat & Utara



Majlis Taklimat & Dialog Bersama JUPEM - LJT

Tujuan utama majlis ini adalah untuk memperkenalkan produk ukur dan pemetaan serta geodetik yang dihasilkan oleh JUPEM bagi aplikasi ukur, pemetaan dan saintifik di Semenanjung Malaysia serta memaklumkan informasi dan sistem pemetaan serta geodetik terkini yang terdapat di JUPEM.

JUPEM mengambil pendekatan untuk tujuan tersebut dengan menganjurkan Taklimat Isu-isu Pelaksanaan F2F, Aktiviti Pemetaan dan Geodetik serta Dialog Bersama LJT/PEJUTA (Persatuan Juruukur Tanah Bertauliah Malaysia) yang dilangsungkan pada 7 Ogos 2006 bertempat di Dewan Konvensyen, Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu. Lembaga Juruukur Tanah Semenanjung Malaysia (LJT) adalah agensi yang mengawal lesen Juruukur Berlesen (Bertauliah) di Semenanjung Malaysia.

Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia merasmikan majlis taklimat dan dialog itu. Beliau berharap daripada majlis ini pihak JUPEM dan ahli-ahli PEJUTA boleh bertukar-

tukar pandangan berkaitan perkembangan aktiviti ukur, pemetaan dan geodetik di negara ini.

Melalui perbincangan dalam Majlis Dialog JUPEM-LJT pelbagai isu yang berkaitan dengan pelaksanaan F2F berikutan kewajipan JTB mengemukakan data digital sepenuhnya akan dapat diselesaikan, seterusnya memberikan manfaat bersama kepada kedua-dua belah pihak. Beliau juga berharap kerjasama erat yang telah sedia terjalin di antara JUPEM dan pihak PEJUTA akan terus berkekalan bagi meningkatkan tahap kemajuan pembangunan negara.

Dengan adanya seminar dan dialog ini, peserta-peserta yang menyertainya akan dapat meningkatkan lagi pengetahuan mereka berkaitan dengan aktiviti-aktiviti terbaru JUPEM dalam disiplin ukur dan pemetaan. Para penceramah terdiri daripada pegawai-pegawai JUPEM dan pensyarah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah membentangkan kertas kerja mereka bertajuk *Mapping Infrastructure And Product, Kaedah Pengukuran Topografi Masa Kini, Geodetic Infrastructure For Various Application and Introduction To GDM2000.*



Warga JUPEM menduduki peperiksaan PTK

Sistem Saraan Malaysia (SSM) yang telah berkuatkuasa mulai 1 November 2002, merupakan usaha penambahbaikan berterusan ke arah pengurusan sumber manusia bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan awam. Dengan perlaksanaan SSM tersebut, semua kakitangan JUPEM perlu menduduki peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) sebagai salah satu kaedah mengukur kompetensi seseorang pegawai dari aspek pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai peribadi serta aplikasi dalam bidang tugas jawatannya.

Peperiksaan PTK juga merupakan salah satu syarat anjakan gaji dan bagi dipertimbangkan ke gred yang lebih tinggi, dengan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Bagi tahun 2005 pihak pengurusan JUPEM telah berjaya melaksanakan Peperiksaan Tahap Kecekapan (PTK) pada 21 hingga 24 November 2005 di seluruh negara bagi warga JUPEM yang menjawat jawatan gred-gred J17, J22, J29, J36 dan J41. Ini dapat memberi peluang kepada calon-calon yang menduduki peperiksaan PTK untuk meningkatkan lagi prestasi kerjaya mereka di JUPEM. Seramai 1336 pegawai JUPEM layak menduduki peperiksaan PTK melalui permohonan yang diterima oleh pihak pengurusan JUPEM pada tahun ini.

Manakala bagi pegawai gred J48 dan J54 yang terlibat dengan peperiksaan PTK adalah berjumlah sembilan orang calon. ■



Ceramah ‘Israk dan Mikraj’

Peristiwa ‘*Israk dan Mikraj*’ telah berlaku pada 27 Rejab, tahun 620 Masihi bersamaan 1 tahun sebelum hijrah, di tempat istimewa iaitu dari Masjidil Haram ke Masjidil Aqsa, di mana kedua-dua masjid ini adalah rumah Allah yang paling tinggi darjatnya daripada tempat-tempat lain. Kesemua faktor-faktor ini mempunyai hikmat-hikmat yang tersendiri yang tidak dapat difahami dengan tepat oleh sesiapa jua manusia di dunia ini.

Bagi mengingati peristiwa penting yang boleh dijadikan motivasi kepada warga JUPEM maka ceramah khas telah dianjurkan oleh Jemaah Kebajikan Islam Jabatan Kerajaan, Jalan Semarak Kuala Lumpur dengan kerjasama JUPEM, pada 1 September 2005 bertempat di Dewan Ukur Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur.

Penceramah Jemputan Y.Bhg. Ustaz Ahmad Nazri bin Mansor telah hadir dan menyampaikan ceramah bertajuk “Peristiwa Israk dan Mikraj”. Ceramah ini juga merupakan ceramah bulanan bagi bulan September 2005 mengikut Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2001, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Menurut beliau peristiwa “Israk dan Mikraj” mempunyai hikmat yang boleh dijadikan tauladan kepada umat Islam bagi menghadapi cabaran-cabaran masa kini dalam menjalani kehidupan harian di pejabat dan luar pejabat. Ini adalah kerana peristiwa ini hanya berlaku kepada Rasulullah S.A.W. nabi akhir zaman. Menurut beliau cabaran yang sering kita hadapi ialah :-

- i. Cabaran untuk mendidik anak-anak bagi yang telah berkeluarga,
- ii. Cabaran menghadapi godaan syaitan dan iblis yang menjurus ke arah kejahatan,
- iii. Cabaran agenda negatif golongan Yahudi dan Nasrani terhadap orang-orang Islam; dan
- iv. Serangan kebudayaan yang menyimpang daripada ajaran Islam.

Peristiwa Israk dan Mikraj telah dibuktikan dalam sepotong ayat suci al-Quran iaitu :

“Allah kurniakan malam Israk dan Mikraj ini penuh dengan keberkatan dan dengan tujuan untuk memperlihatkan kekuasaan dan sesungguhnya Allah itu Maha Mendengar dan Maha Melihat”. Dengan keberkatan Allah sahajalah Rasulullah S.A.W boleh berjalan sedemikian rupa dan naik ke langit hingga ke Sidratul Muntaha dan tanpa adanya kekuasaan Allah, peristiwa seperti itu mungkin tidak akan berlaku hatta pada zaman kemajuan sains dan teknologi ini pun manusia hanya sekadar boleh sampai ke bulan sahaja. Sedangkan Rasulullah S.A.W berjaya meneroka ke lapis langit ketujuh iaitu lapisan yang paling tinggi sekali. Peristiwa Israk dan Mikraj ini berlaku setelah beberapa tahun Rasulullah S.A.W menyebarkan agama Islam kepada masyarakat ketika itu, di mana umat Islam pada kian bertambah dari masa ke semasa. Di antara iktibar yang boleh diambil dari peristiwa-peristiwa yang berlaku yang dilihat sendiri oleh Rasulullah S.A.W atau yang dialami oleh baginda, bolehlah diringkaskan seperti berikut;

- i. Rasulullah S.A.W dilsrakkan dan diMikrajkan pada malam tersebut ialah untuk ditemukan baginda dengan Allah S.W.T
- ii. Pertemuan Rasul yang diundang khas oleh Allah S.W.T itu adalah semata-mata untuk menyampaikan perintah ibadah sembahyang lima waktu.
- iii. Ibadah sembahyang adalah ibadah yang paling tinggi tarafnya, tinggi nilainya dan tinggi ganjarannya.
- iv. Ibadah sembahyang adalah sebagai kemuncak atau asas di dalam membentuk peribadi muslim. Ianya sentiasa mengamalkan dengan yang makruf dan meninggalkan segala yang mungkar.
- v. Di antara kesalahan-kesalahan besar yang dilakukan manusia ialah;

- melakukan perbuatan zina, walaupun ianya telah bersuami atau beristeri.

“Maha suci Allah yang telah menjalankan hambanya (Muhammad) pada waktu malam hari dari Masjidil Haram (Mekah) ke Masjidil Aqsa (Palestin), yang kami berkati sekelilingnya untuk memperlihatkan kepadanya tanda-tanda (kekuasaan dan kebesaran) kami. Sesungguhnya Allah jualah yang amat Mendengar, lagi Amat Mengetahui.”

- memakan makanan dan meminum minuman yang haram.
- memakan riba dan harta anak yatim.
- mengumpat , menabur fitnah dan suka menjaga tepi kain orang lain.
- suka membuat janji tetapi tidak menunaikannya.
- suka berebut-rebut untuk memegang sesuatu jawatan dan tanggungjawab sedangkan dirinya tidak berkelayakan dan tidak berdaya melaksanakannya.

vi. Rasulullah S.A.W adalah lebih tinggi kedudukan daripada rasul-rasul lain.

vii. Bahayanya tiga perkara iaitu Yahudi, Nasrani dan keduniaan.

Di dalam masyarakat kita hari ini boleh dikatakan kesemua penyakit masyarakat dan kesalahan besar yang diterangkan dalam peristiwa Israk dan Mikraj

itu sedang berlaku. Bahkan pada masa sekarang bukan sedikit jumlah orang Islam tidak menjalankan segala rukun-rukun Islam yang lima termasuk sembahyang, puasa, zakat, haji dan tuntutan Islam yang lain. Segala-gala ini adalah kerana iman kita makin bertambah lemah, kita terdedah kepada pengaruh-pengaruh syaitan dan mudah pula dipengaruhinya. Kita juga gagal untuk mempengaruhi jiran-jiran dan kawan-kawan atau kita juga gagal mewujudkan keluarga yang benar-benar Islam dan gagal mendidik anak isteri kita sendiri.

Segala kegagalan kita ini adalah berdasarkan kepada kelemahan iman(kepercayaan) sendiri dan cara yang paling utama yang kita lakukan ialah meningkatkan iman. Oleh itu kita perlu menjalankan kerja-kerja atau amalan yang dapat meningkatkan keimanan kita agar dapat memberi manfaat kepada jabatan dan masyarakat dalam menghadapi cabaran hidup seharian.

Akhir sekali beliau menyeru kepada warga JUPEM agar membaca dan menghayati sejarah kegemilangan Islam. 🟩



JWG 25 antara Malaysia - Thailand di Kanchanaburi, Thailand

Perbincangan Kumpulan Kerja Bersama (*Joint Working Group*) Pengukuran Sempadan Antarabangsa Malaysia - Thailand kali ke 25 telah diadakan bertujuan untuk memeriksa bersama pelan-pelan kerja dan dokumen-dokumen berkaitan dengan ukuran sempadan antarabangsa. Maklumat-maklumat yang tidak tepat dikenal pasti dan dibetulkan di atas pelan kerja yang berkaitan serta direkodkan dan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

Jawatankuasa ini juga menilai kemajuan kerja-kerja pengukuran dan membincang bersama berhubung perkara-perkara berkaitan dengan pelaksanaan kerja-kerja pengukuran supaya ia berjalan dengan lancar. Perbincangan Kumpulan Kerja Bersama yang ke-25 (JWG 25) telah berlangsung di Kanchanaburi, Thailand dari 19 Julai hingga 21 Julai 2005.

Delegasi Malaysia seramai lapan orang yang diketuai oleh Encik Sohaime bin Rasidi, Pengarah Ukur Topografi, Semenanjung Malaysia dan delegasi Thailand terdiri daripada tujuh orang yang diketuai oleh Col. Thawatchai Khayhansamruad. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Col. Thawatchai Khayhansamruad.

Perbincangan dalam mesyuarat pada kali ini mengambil tindakan bagi kemas kini dan pembetulan bersama pelan kerja luar dan

dokumen-dokumen berkaitan di Seksyen J dan K (BP 46/82 - BP 47A) di Kawasan Keutamaan XV (BP 43A - BP 47A), sebelum menandatangani bersama pembetulan di atas pelan kerja luar tersebut.

Laporan bersama ukuran terperinci bersama di kawasan Durian Burong, Malaysia dan Ban Prakop, Thailand bagi tanda sempadan antara kedua-dua belah pihak dilakukan dan seterusnya pertimbangan dan kelulusan *Watershed Boundary Alignment Plans*. Siasatan dan ukuran terperinci bersama di antara tanda sempadan BP30/28 dan tanda sempadan BP31/3, Kawasan Keutamaan IXB (BP 29 - BP33) kawasan Durian Burong, Malaysia dan Ban Prakop, Thailand.

Kerja-kerja pengukuran sepanjang Sungai Golok (*Kolok River*) dibincangkan dalam mesyuarat ini. Tanam semula dan penyelenggaraan tanda sempadan BP72 yang didapati condong di Kawasan Keutamaan VIIIA bagi Ukuran dan Demarkasi Bersama Sempadan Antarabangsa Tetap dan Kekal di antara Malaysia - Thailand di sepanjang Sungai Golok (*Kolok River*).

Bagi tanda-tanda sempadan di Pengkalan Hulu, Malaysia dan Betong, Thailand didapati rosak maka prosedur untuk tanam semula dan penyelenggaraan dilaksanakan bagi kepentingan kedua-dua belah pihak Malaysia - Thailand.



Bagi tujuan keselamatan dan memudahkan aktiviti pengukuran bersama persempadanan Malaysia dan Thailand, satu upacara ringkas, menandatangani senarai kenderaan yang digunakan untuk kerja-kerja Demarkasi dan Ukuran Bersama di Sempadan Antarabangsa Malaysia - Thailand turut diadakan di dalam mesyuarat ini, disempurnakan wakil-wakil kerajaan Malaysia dan Thailand.

Lawatan kerja KPUP & TKPUP ke JUPEM Pahang

Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali telah mengadakan lawatan kerja ke Ibu Pejabat JUPEM Pahang, Kuantan pada hari Jumaat, 19 Ogos 2005 bersamaan 14 Rejab 1426 yang lalu. Lawatan kerja ini adalah bertujuan untuk mengetahui lebih lanjut aktiviti dan kemajuan semasa di JUPEM Pahang di samping mengeratkan lagi hubungan pegawai pengurusan tertinggi JUPEM dengan pegawai-pegawai dan kakitangan di JUPEM Pahang.




Majlis ini telah dihadiri oleh pegawai-pegawai kanan JUPEM Pahang serta Ketua Unit dari cawangan masing-masing.

Atur cara dimulakan dengan ucapan aluan dari Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, En. Mohd. Noor bin Isa dan disusuli dengan amanat oleh Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Antara perkara yang disentuh dan diberi perhatian adalah berhubung dengan integriti dan keutuhan jabatan serta aspek keberkesanan penyediaan ke atas projek-projek pembangunan jabatan. Di samping itu juga beliau menasihatkan semua pegawai supaya memanfaatkan kecanggihan teknologi ICT kepada tujuan yang lebih berfaedah bagi menjamin masa depan jabatan yang lebih cemerlang dan gemilang.

Pengarah Ukur dan Pemetaan Pahang, En. Mohd. Noor bin Isa telah menyampaikan taklimat prestasi semasa JUPEM Pahang yang antara lainnya meliputi pembangunan organisasi, pengurusan kewangan, prestasi kerja semasa, pembangunan sistem yang telah dilaksanakan dan hal-hal lain yang berkaitan.

Ketika mengulas pembentangan mengenai taklimat prestasi semasa JUPEM Pahang, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia telah menyarankan agar semua warga JUPEM Pahang bersama-sama menggembleng tenaga dan menggiatkan usaha untuk menangani sebarang cabaran dengan penuh tanggungjawab dan bijaksana. Ini kerana JUPEM



sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat dari perkembangan teknologi maklumat di samping harapan pelanggan yang memerlukan sesuatu produk dan perkhidmatan yang cekap dan berkualiti. Majlis bersurai selepas jamuan makan tengah hari. ■

Mesyuarat Pemantauan SPDK Zon Timur



Pasukan pemantau dari Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur telah mengadakan Mesyuarat Pemantauan Penyenggaraan Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK) zon timur bertempat di Bilik Mesyuarat JUPEM Pahang pada hari Selasa 2 Ogos 2005 bersamaan 26 Jamadilakhir 1426 yang lalu. Mesyuarat ini turut dihadiri oleh pegawai-pegawai pengurusan dari JUPEM Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Rombongan lawatan ini bertujuan memantau tahap perkembangan SPDK di JUPEM zon timur di samping mengenal pasti masalah yang timbul dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada di dalam SPDK.

Mesyuarat ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, Dr. Abdul Kadir bin Taib mewakili Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia dan dibantu oleh Tuan Haji Muhamed Kamil bin Mat Daud, Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster).

Taklimat seterusnya telah disampaikan oleh En. Looi Kam Seng, KPPU Naziran JUBL mengenai laporan status *fault-log* di negeri-negeri yang terlibat. Selepas itu, beliau turut melaporkan status kemajuan modul *Integrated Reporting System (IRS)* bagi mendapatkan maklum balas dari JUPEM Negeri mengenai ketidaksamaan laporan yang telah dijanakan berbanding dengan kaedah manual.



Sejurus selepas jamuan minum pagi, Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri Pahang, Terengganu dan Kelantan melaporkan maklum balas terhadap implementasi SPDK yang memfokuskan kepada kesan dan implikasi kepada kemajuan kerja semasa di negeri masing-masing di samping mencari jalan penyelesaian terbaik mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada.

Mesyuarat disambung semula pada sesi petang di mana kesemua pihak pembekal turut hadir bagi memberi jawapan dan



penyelesaian kepada masalah-masalah yang ditimbulkan akibat dari maklum balas yang diterima dari setiap JUPEM Negeri. Ia disusuli dengan peringatan yang disampaikan oleh Dr. Abdul Kadir bin Taib, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia, yang memberi tumpuan kepada perancangan masa depan sistem komputer jabatan serta menasihatkan semua pembekal supaya memanfaatkan projek yang telah diberi kepada tujuan yang lebih berfaedah ke arah masa depan jabatan tanpa memikirkan faktor keuntungan semata-mata.

Ketika mengulas pembentangan mengenai Laporan Pemantauan Penyenggaraan Sistem Pengurusan Data Kadaster (SPDK) zon timur, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia telah menyarankan agar semua warga JUPEM bersama-sama menggembeng tenaga dan menggiatkan usaha untuk menangani sebarang cabaran dengan penuh tanggungjawab dan bijaksana. Ini kerana JUPEM sentiasa berhadapan dengan pelbagai cabaran akibat dari perkembangan teknologi maklumat di samping harapan pelanggan yang memerlukan sesuatu produk dan perkhidmatan yang cekat dan berkualiti. ■

Rombongan lawatan ini bertujuan memantau tahap perkembangan SPDK di JUPEM zon timur di samping mengenal pasti masalah yang timbul dan mencari jalan penyelesaian terbaik bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang ada di dalam SPDK.

Ceramah Ramadan *al-Mubarak*



amalan-amalan yang boleh dilakukan sepanjang bulan Ramadan yang mulia, antaranya solat Tarawih, membaca al-Quran, bersedekah, berzikir dan selawat, solat tahajud, mengawal nafsu atau tingkah laku seharian dan amalan-amalan lain menurut ajaran Islam.

“**AHLAN WA SAHLAN YA RAMADAN**” adalah tajuk ceramah yang disampaikan oleh Ustaz Mohd. Nizam (Ustaz Ujang), bekas Pegawai Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAKIM). Sempena menyambut kedatangan bulan Ramadan tahun ini, ceramah berlangsung di Dewan Ukur Ibu Pejabat JUPEM, Kuala Lumpur pada 7 Oktober 2005 bersamaan 3 Ramadan, tahun 1426H. Ceramah yang berbentuk motivasi ini adalah satu penganjuran daripada Jemaah Kebajikan Islam Jabatan Kerajaan Jalan Semarak Kuala Lumpur mengikut Pekeliling Am Bil.2 Tahun 2001 untuk warga JUPEM.

Dalam ceramah tersebut beliau menyentuh berkenaan amalan-amalan yang boleh dilakukan sepanjang bulan Ramadan yang mulia, antaranya solat tarawih, membaca Al-Quran, bersedekah, berzikir dan selawat, solat tahajud, mengawal nafsu atau tingkah laku seharian dan amalan-amalan lain menurut ajaran Islam.

Menyentuh berkenaan kelebihan membaca Al-Quran, menurut beliau terdapat beberapa hikmah sekiranya diamalkan, antaranya ialah dapat mengelakkan pembaca dari terjebak kepada amalan khurafat yang menuduakan Allah, penawar dari menjadi nyanyuk (kurang daya ingatan), menyerikan wajah dan banyak lagi kelebihan serta hikmahnya seperti terkandung di dalam kitab ini yang menjadi panduan hidup umat Islam.

Menurut beliau, keistimewaan yang terdapat dalam bulan Ramadan ialah setiap amalan yang dilakukan akan digandakan pahalanya oleh Allah. Sebagai contoh, amalan sunat diberi pahala seperti mengamalkan ibadat wajib, begitulah istimewanya bulan Ramadan. Pada bulan ini juga ada satu malam istimewa iaitu ‘Lailatulqadar’ yang mempunyai seribu rahmat yang dijanjikan oleh Allah kepada umat Islam yang beramal untuk mendapatkan keberkatan dariNya.

Puasa juga dapat meningkatkan kesabaran dan keinsafan warga JUPEM serta meningkatkan ketakwaan mereka kepada Allah serta sentiasa bersikap syukur (terima kasih) kepada Allah. Ini adalah kerana “Dunia Ibarat Syurga bagi Orang Kafir (bukan Islam) dan Penjara bagi Orang Islam” yang dianggap sebagai ujian kepada semua umat Islam untuk mencapai kejayaan di akhirat.

Beliau juga menerapkan nilai-nilai motivasi yang boleh memberi kesedaran kepada warga JUPEM supaya lebih bersikap amanah, tanggungjawab, dedikasi, berwawasan, gigih, tekun dalam menjalankan tugas harian di jabatan. Kesedaran ini perlu ada pada setiap warga JUPEM kerana menurut beliau sebagai seorang Islam, setiap daripada kita tidak akan masuk syurga sebelum menjawab empat soalan di padang Mahsyar (hari pembalasan) nanti iaitu, “(di mana kamu habiskan usia muda mu?, di mana kamu dapat harta dan di mana kamu belanjakannya? dan apa ilmu yang kamu perolehi dan di mana kamu memanfaatkannya?)”.

Umur manusia boleh dibahagikan kepada empat peringkat iaitu umur antara 1 - 15 tahun adalah dikenali sebagai umur kanak-kanak, umur antara 15 - 35 tahun adalah dikenali sebagai umur remaja, umur antara 35 - 50 tahun adalah dikenali sebagai umur matang (perlu perubahan ke arah yang lebih baik), umur antara 50 - 70 tahun adalah dikenali sebagai usia tua atau warga emas dan umur 70 tahun ke atas adalah masa menunggu dipanggil Allah (saat menunggu kematian). Pada masa kini, mengikut *biological* manusia, umur manusia biasa adalah daripada 70-75 tahun dan jika memperoleh umur yang panjang, maka itu adalah dianggap bonus dalam kehidupan. Huraian tersebut boleh dijadikan pedoman agar warga JUPEM tidak lalai mengenai tugas dan tanggungjawab berkeluarga, jabatan dan masyarakat serta tanggungjawab sosial yang lain, menurut Ustaz Mohd. Nizam.

Sebagai penutup ceramah pada hari itu, Ustaz Mohd. Nizam menerangkan bahawa menurut hadis Nabi Muhammad S.A.W, selepas penat sebulan menunaikan ibadah puasa, Hari Raya Aidilfitri haruslah disambut dengan penuh rasa kesyukuran. Hari Raya yang mempunyai keberkatan bagi setiap orang yang beriman ada lima ketika iaitu ; setiap hari yang dia tidak melakukan sebarang dosa, saat dia meninggal dunia dalam Husnul-khatimah, hari dia berjaya melintasi Siratulmustakim, dia berjaya masuk ke dalam syurga dan hari dia menghadap Allah S.W.T.



Hadis Nabi Muhammad S.A.W, selepas penat sebulan menunaikan ibadah puasa, Hari Raya Aidilfitri haruslah disambut dengan penuh rasa bersyukur. Hari Raya yang mempunyai keberkatan bagi setiap orang yang beriman ada 5 ketika iaitu : setiap hari yang dia tidak melakukan sebarang dosa, saat dia meninggal dunia dalam husnul-khatimah, hari dia berjaya melintasi siratulmustakim, dia berjaya masuk ke dalam syurga dan hari dia menghadap Allah S.W.T.

Rasulullah s.a.w bersabda:

“Sesungguhnya di dalam Syurga itu terdapat pintu yang dinamakan Ar-Rayyan. Orang yang berpuasa akan masuk melalui pintu tersebut pada Hari Kiamat kelak. Tidak boleh masuk bersama mereka seorangpun selain mereka. Kelak akan ada pengumuman: Di manakah orang yang berpuasa? Mereka lalu berduyun-duyun masuk melalui pintu tersebut. Setelah orang yang terakhir dari mereka telah masuk, pintu tadi ditutup kembali. Tiada lagi orang lain akan memasukinya”.

Diriwayatkan daripada Abu Sahl bin Saad r.a.

Taklimat Pemakaian KTN Di Labuan



JUPEM Wilayah Persekutuan Labuan dengan kerjasama Jabatan Tanah W.P. Labuan dan Perbadanan Labuan telah mengadakan Taklimat Pemakaian Kanun Tanah Negara (KTN) bertempat di Perbadanan Labuan pada 18 hingga 19 Oktober 2005 yang mana buat julung-julung kalinya diadakan di W.P. Labuan. Para jemputan yang hadir terdiri dari Ketua-ketua Jabatan, Agensi Kerajaan dan Ketua-ketua kampung W.P. Labuan.

Taklimat tersebut telah dirasmikan oleh Ketua Eksekutif, Perbadanan Wilayah Persekutuan Labuan. Sempena berlangsungnya majlis itu, JUPEM Labuan telah mengadakan ruang pameran dengan mempamerkan bahan-bahan bacaan berkaitan Kanun Tanah Negara (KTN) dan kerja-kerja ukur yang dijalankan oleh JUPEM, kepada para peserta yang hadir. ■



Peta Elektronik Labuan

JUPEM Wilayah Persekutuan Labuan telah mengadakan Hari Demonstrasi Peta Elektronik (*e-Map* Labuan) pada 13 Oktober 2005. Dua penceramah jemputan dari Seksyen Kartografi, Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur telah memberi penerangan kepada para jemputan yang terdiri dari Ketua-ketua Jabatan dan Agensi Kerajaan. Demonstrasi tersebut dianjurkan dalam dua masa iaitu sesi pagi dan petang. Sambutan daripada para jemputan amat menggalakkan.

Produk baru peta elektronik Labuan itu dijual kepada orang awam dengan harga perkhidmatan JUPEM, RM5.00 sebuah, boleh dibeli di kaunter-kaunter pejabat jualan di Ibu Pejabat JUPEM dan JUPEM Negeri.

Produk baru peta elektronik Labuan itu dijual kepada orang awam dengan harga perkhidmatan JUPEM, RM5.00 sebuah




Kelebihan dan keperluan sistem komputer kepada penggunaan peta elektronik keluaran JUPEM seperti berikut:

Peta Elektronik (*e-Map*)

- Produk interaktif dan berinformasi untuk diterokai
- Menarik dan menyeronokkan: (mereka dan mencetak peta anda sendiri)
- Berkebolehan mengukur keluasan, jarak dan bearing
- Pengendalian mudah: (*Zoom +/-*, Perantaraan, Lapisan Peta aktif/tutup)
- Carian mudah untuk Nama Tempat, Kampung, Bandar, Bangunan
- Kunjungan Maya

Keperluan Sistem

- *Intel Pentium* II atau lebih
- Minimum 64 MB RAM
- Minimum 10 MB ruang cakera keras
- Pemacu *CD-ROM* kelajuan 24x
- Kad Bunyi 16 Bit dengan *Sound Blaster* serasi
- Kad Grafik *SVGA* (minimum 800 x 600 pixel)
- *Windows 9x* atau *Windows NT 4.x*
- *Quicktime* (disertakan)

Pelbagai pengalaman menarik dan peningkatan pengetahuan dapat dirasai oleh pelanggan JUPEM dengan memiliki dan menggunakan produk ini. 

Kunjungan Juruukur Agong Jabatan Ukur Brunei Darussalam

Hubungan kerjasama dua hala dalam pelbagai bidang di antara Malaysia dan Negara Brunei Darussalam terus dipertingkatkan melalui lawatan-lawatan di peringkat pegawai kanan.


Kunjungan hormat Yg. Mulia Pg. Hj. Matusin bin Pg. Hj. Matasan, Juruukur Agong, Jabatan Ukur Brunei Darussalam pada 28 November 2005 ke Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dapat mengeratkan lagi hubungan dan kerjasama dalam bidang ukur dan pemetaan. Ketibaan beliau disambut oleh tiga orang pegawai kanan JUPEM di lobi Bangunan Ukur kemudian beliau diiringi ke Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan

Malaysia sebelum dibawa ke Bilik Mesyuarat bagi sesi taklimat JUPEM dan upacara menandatangani Buku Pelawat JUPEM serta penyampaian cenderahati kenang-kenangan sempena program lawatan kerja beliau ke JUPEM.

Semasa di Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia beliau di sambut oleh Y.Bhg. Dato' Hamid Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia dan Dr. Abdul Kadir bin Taib, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.



Dalam perjumpaan di Pejabat Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia selama lebih kurang 25 minit itu, berbagai perkara mengenai bidang ukur dan pemetaan disentuh.

Kunjungan oleh Juruukur Agong Brunei Pg. Hj. Matusin adalah sebahagian daripada rangka lawatan kerja beliau, melalui Program Lawatan Pegawai-pegawai Kanan Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam ke Malaysia. 



Mesyuarat Pengurusan JUPEM Bil. 2/2005

Bagi melicinkan lagi pengurusan JUPEM tahun 2005 ini, JUPEM telah mengadakan Mesyuarat Pengurusan Bil. 2/2005 di Melaka pada 25 Julai 2005 bertempat Hotel Renaissance, Melaka. Mesyuarat dipengerusikan oleh Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Mesyuarat ini dihadiri oleh Pengarah Ukur Seksyen Ibu Pejabat JUPEM dan Pengarah-Pengarah Ukur JUPEM Negeri, seramai 34 orang.

Y.Bhg. Dato' pengerusi memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua hadirin dan seterusnya mengucapkan selamat datang kepada pegawai-pegawai kanan JUPEM yang hadir. Beliau juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan tahniah kepada pegawai-pegawai yang telah dinaikkan pangkat bagi mengisi kekosongan jawatan di jabatan serta terima kasih kepada En. Mohd. Salleh bin Taib, Pengarah Ukur dan Pemetaan Perlis yang akan bersara dalam waktu yang terdekat ini.

Dalam mesyuarat itu, beliau menyentuh perkara berkenaan keputusan peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan (PTK). Keputusan rasmi akan dikeluarkan tidak lama lagi. Panduan mengenai kurikulum dan *syllabus* pementapan PTK telah disediakan oleh pihak Kementerian NRE dan akan diedarkan. Mulai tahun ini, kertas Bahagian 1 disediakan oleh NRE dan tarikh peperiksaan akan

dijalankan serentak dengan jabatan-jabatan lain di bawah NRE.

Dalam projek-projek RMK9 JUPEM telah m e n d a p a t k e l u l u s a n sebanyak RM 290.6 juta. Terdapat 17 projek iaitu lima



projek sambungan RMK8 dan 12 projek baru untuk penambahbaikan sistem-sistem yang sedia ada dan juga untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan.

Bagi menyahut dan memikul tanggungjawab yang dicadangkan agensi-agensi kerajaan dalam memenuhi keperluan pembangunan negara, Seksyen Pemetaan Utiliti akan diwujudkan di JUPEM. Permohonan telah dimajukan kepada pihak Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan pada dasarnya telah dipersetujui dengan cadangan kekuatan tenaga yang melibatkan penambahan kakitangan seramai 327 orang merangkumi Semenanjung Malaysia dan W.P. Labuan, agar masalah berkaitan saluran paip, kabel telefon, talian elektrik dan lain-lain dapat di selenggara dengan lebih baik berbanding masalah yang dihadapi sekarang seperti kebocoran ketika projek dilaksanakan.

Berhubung dengan isu tunggakan hak milik tanah, Y.Bhg. Dato' Pengerusi menyarankan supaya sumber yang digunakan untuk mengurangkan jumlah kerja-kerja tunggakan di samping memastikan bilangannya tidak bertambah. Kerja-kerja tertunggak ini dapat diselesaikan dengan adanya usaha dari Bahagian Kadaster yang memperkenalkan pelbagai kaedah terbaru sejajar dengan teknologi terkini.

Beliau juga menyarankan, mesyuarat-mesyuarat berjadual perlu diadakan dari masa ke semasa terutamanya seperti Mesyuarat Keutuhan, Mesyuarat Karenah Birokrasi, Mesyuarat Pengaduan Awam, Mesyuarat Integriti dan



sebagainya mengikut arahan pekeliling yang telah diedarkan, bagi memantapkan lagi perkhidmatan di JUPEM. Manakala pegawai-pegawai yang diberi tugas untuk memastikan aset kerajaan sentiasa berada dalam keadaan yang selamat. Pegawai yang didapati cuai dalam menjaga aset kerajaan akan dikenakan surcaj dan tindakan tatatertib. Oleh itu beliau mengarahkan ketua-ketua jabatan supaya memberi perhatian kepada perkara ini.

Pembentangan laporan prestasi Bahagian Pemetaan oleh En. Ahmad Fauzi bin Nordin, Pengarah Ukur Bahagian (Pemetaan) menyentuh perkara-perkara berkaitan dengan **Seksyen Pemetaan Utiliti, Penentuan Sempadan Negeri,**




Permohonan Lombong Pasir, Migrasi Data-Data Digital, Ortofoto, Dokumen Spesifikasi Data Digital, Panduan Penggunaan MyGeoid, MyRTKnet dan GDM 2000, Data integriti dan kualiti peta, Web Map dan e-Atlas. Perkara-perkara yang dibentangkan ini antaranya bertujuan untuk memastikan data-data yang dikeluarkan oleh JUPEM berkualiti serta dapat memenuhi keperluan pengguna. Oleh itu keutamaan aktiviti untuk meningkatkan produktiviti seksyen-seksyen di bawah Bahagian Pemetaan dibentangkan dan dibincangkan lebih teliti dalam mesyuarat yang telah berlangsung itu.

Manakala, pembentangan laporan prestasi Bahagian Kadaster telah dilakukan oleh Pengarah Ukur Bahagian (Kadaster), Tuan Haji Muhamed Kamil bin Mat Daud yang merangkumi perkara-perkara,

prestasi aktiviti-aktiviti utama Bahagian Kadaster dan JUPEM Negeri. Pembentangan ini juga merangkumi pencapaian Sasaran Kerja Tahunan (SKT) Pengarah-Pengarah Ukur Negeri bagi setengah tahun pertama 2005 serta cadangan perubahan matlamat 2006, sumber manusia dan Prestasi perbelanjaan JUPEM Negeri. Bagi meningkatkan lagi prestasi bahagian ini, beliau mencadangkan diwujudkan satu seksyen khas untuk e-Kadaster.

Lanjutan dari perbincangan pembentangan Laporan Prestasi Bahagian Kadaster itu, Y.Bhg. Dato' Pengerusi mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan tahniah kepada JUPEM Negeri yang telah meningkatkan prestasi. Walau



bagaimanapun Y.Bhg. Dato' menekankan beberapa perkara perlu diberi perhatian oleh Bahagian Kadaster dan semua Pengarah Ukur dan Pemetaan Negeri iaitu **Perlaksanaan CCS, Kerja-kerja Pertanyaan ke atas Juruukur Tanah Berlesen, Settlement Job, Cadangan Pindaan akta dan Bayaran Upah Ukur.** Beliau berharap perlaksanaan perkara-perkara tersebut boleh mempercepatkan serta meningkatkan kualiti kerja ukur.

Sebelum mengakhiri mesyuarat, Y.Bhg. Dato' mengucapkan terima kasih kepada ahli mesyuarat dan urus setia yang terlibat bagi menjayakan Mesyuarat Pengurusan Bil. 2/2005 ini dan berharap semua perkara yang telah dibincangkan serta keputusan yang dibuat di dalam mesyuarat ini dapat dilaksanakan dan dipatuhi dengan sebaik mungkin.

MASM 2005

Peringkat Kebangsaan

Minggu Alam Sekitar Malaysia 2005 (MASM 2005) yang bertemakan 'Memperkasakan Bandar Lestari' mengingatkan kita semua betapa pentingnya pembangunan yang dirancang tanpa menyetepikan elemen-elemen kelestarian alam sekitar sesebuah bandar. Tahun ini merupakan kali yang ke-15 sambutan MASM diadakan di negara kita iaitu pada 25 hingga 29 November 2005, bertempat di Dewan Jubli Sultan Haji Ahmad Shah, Kuantan, Pahang.

Majlis dilancarkan oleh Menteri Besar Pahang, Dato' Sri Adnan Yaakob. Turut hadir Y.B. Dato' S. Sothinathan, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar. Dalam ucapan pelancaran, beliau berharap kementerian boleh membantu menyediakan bukan

seminar atau forum, kita dapat meningkatkan kesedaran betapa pentingnya menjaga kebersihan alam sekitar, terutamanya sungai. Seterusnya beliau mencadangkan diadakan kempen secara bersungguh-sungguh misalnya kita boleh adakan cogan kata "Tanpa Sungai Kita Mati" untuk kita buktikan mengapa tema berkenaan penting, kata beliau.

MASM 2005 diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan orang ramai, mengeratkan dan mempertingkatkan kerjasama di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri di dalam pengurusan alam sekitar dan menggalakkan kerjasama di antara pelbagai pihak seperti agensi-agensi kerajaan, pertubuhan-

pertubuhan bukan kerajaan, agensi-agensi swasta, individu dan sebagainya dalam usaha pemuliharaan alam sekitar.

Dalam menjayakan majlis sambutan Minggu Alam Sekitar 2005 Peringkat Kebangsaan, pelbagai aktiviti alam sekitar telah diadakan untuk dijadikan pemangkin ke arah semua amalan cintakan alam sekitar serta berjaya mencapai objektif dan faedahnya dapat



dinikmati sepenuhnya oleh semua golongan. JUPEM turut memberi kerjasama dan sumbangan melalui penyertaan program Pameran Alam Sekitar bersama-sama 10 agensi kerajaan di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) serta 15 agensi swasta yang menyertai pameran ini.

Y.B. Dato' S. Sothinathan, Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, berkesempatan melawat ruang pameran JUPEM bersama-sama pengarah-pengarah agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) serta pegawai-pegawai kanan agensi kerajaan dan swasta yang lain dan menandatangani Buku Pelawat JUPEM. Paparan di ruang pameran JUPEM meliputi poster-poster korporat, tayangan video korporat, demonstrasi peta elektronik JUPEM, teleskop, *total station* dan perisian terbaru bagi kerja-kerja ukur hak milik. ■

setakat bantuan kewangan, tetapi pakar yang didatangkan ke sekolah atau menghadiri seminar tertentu yang dihadiri pentadbir termasuk pihak berkuasa tempatan. Melalui pendidikan ini, sama ada

Gerhana Separa Bulan - Oktober 17, 2005

Azhari bin Mohamed, PhD
azharibm@yahoo.co.uk
Exco Persatuan Falak Syarie Malaysia

“Segala puji bagi Allah, Tuhan Semesta Alam”

Surah al-Fatihah Ayat 2

Ayat di dalam surah pembukaan al-Quran ini menarik perhatian manusia kepada Allah dan segala apa jua penciptaanNya. Sebagai orang Islam, kita seharusnya merasa terpanggil untuk menerokai alam buana ini, sekurang-kurangnya untuk menimbulkan rasa keinsafan di atas kekerdilan kita untuk mendekati diri kita kepada Allah Subhanahuwataala.

“Dan di bumi itu terdapat tanda-tanda (kekuasaan Allah) bagi orang-orang yang yakin, dan (juga) pada diri mu sendiri. Maka apakah kamu tiada memperhatikan? Dan di langit terdapat (sebab-sebab) rezeki mu dan terdapat (pula) apa yang dijanjikan kepada mu”

Surah Adz-Dzaariyaat Ayat 20-22


Sebenarnya minat kepada alam semesta telah lama bermula sejak wujudnya manusia di atas muka bumi, hasil dari rasa kagum dan ingin tahu terhadap kejadian-kejadian yang berlaku di langit dan perubahan-perubahan alam. Mutakhir ini menyaksikan minat yang tinggi di dalam bidang falak. Perkembangan ini berhubung kait dengan sains teknologi dan penerokaan angkasa lepas.

Sejajar dengan kedatangan Islam serta pengembangan wilayah takluknya, maklumat-maklumat berkaitan dengan ibadat, aktiviti ekonomi dan sosial, lokasi geografi, perhubungan dan kemasyarakatan amat diperlukan. Ini lebih-lebih lagi dari segi penentuan hala kiblat, perhitungan waktu solat, penetapan tarikh bulan hijrah serta penyediaan pandu arah perjalanan bagi tujuan dakwah, perdagangan, politik dan pentadbiran urusan manusia sehari-hari.

“Dan Dialah yang menjadikan bintang-bintang bagi mu, agar kamu menjadikannya petunjuk dalam kegelapan di darat dan di laut. Sesungguhnya Kami telah menjelaskan tanda-tanda kebesaran (Kami) kepada orang-orang yang mengetahui”

Surah al-An'Aam Ayat 97

Peristiwa gerhana merupakan salah satu daripada banyak keajaiban alam, sama ada ianya adalah gerhana matahari (akibat sekatan cahaya matahari daripada sampai ke bumi oleh bulan) atau gerhana bulan (akibat daripada bayang bumi menimpa permukaan bulan). Fenomena ini tidak pernah gagal menarik perhatian manusia untuk menjalankan cerapan dan kajian.



Menurut sejarah Islam, terdapat tiga kejadian gerhana yang boleh dianggap sebagai signifikan.



Pertamanya dalam tahun ketika Nabi Muhammad S.A.W. lahir di Mekah yang lebih dikenali sebagai Tahun Gajah (569-570Masihi).

“Apakah kamu tidak memerhatikan bagaimana Tuhan mu telah bertindak terhadap tentera bergajah? Bukankah Dia telah menjadikan tipu daya mereka (untuk menghancurkan Kaabah) itu sia-sia? Dan Dia mengirimitkan kepada mereka burung yang berbondong-bondong, yang melempari mereka dengan batu (berasal) dari tanah yang terbakar, lalu Dia menjadikan mereka seperti daun-daun yang dimakan (ulat)”

Surah al-Fiil Ayat 1-5

Tahun ini dinamakan sedemikian kerana mengambil sempena pencerobohan oleh tentera bergajah yang diketuai oleh Abrahah untuk merobohkan Kaabah. Selain daripada dua insiden besar ini, Tahun Gajah juga menyaksikan berlakunya gerhana matahari penuh.

Keduanya, sewaktu anak kecil Rasulullah S.A.W. Ibrahim meninggal dunia pada 22 Januari 632M, gerhana matahari cincin telah berlaku pada hari tersebut. Ketika itu ramai orang mendakwa bahawa matahari bersedih sehingga berlakunya gerhana, hinggakan mereka berkata: Gerhana matahari kerana matinya Ibrahim. Rasulullah S.A.W. telah menyangkal kepercayaan tersebut melalui sabdanya:


“Sesungguhnya matahari dan bulan keduanya menjadi tanda (dalil) dari dalil-dalil adanya Tuhan dan kekuasaanNya. Keduanya gerhana bukan kerana matinya seseorang, dan tidak pula kerana hidupnya seseorang maka apabila kamu lihat keduanya gerhana, hendaklah kamu berdoa kepada Allah, dan sembahyang sampai habis gerhana itu”

Hadis riwayat Bukhari dan Muslim


Fenomena gerhana matahari ketiga yang dikaitkan dengan sejarah Islam berlaku 39 tahun selepas kewafatan Rasulullah S.A.W. Gerhana matahari cincin telah berlaku dalam zaman pemerintahan Mu'awiyah dalam tahun 661M ketika usaha sedang di jalankan untuk memindahkan mimbar Rasulullah S.A.W. yang terletak di Madinah untuk di bawa ke Damascus, Syria, selaras dengan statusnya sebagai pusat pemerintahan Bani Umayyah. Akibat daripada berlakunya gerhana pada hari tersebut yang ditafsirkan sebagai satu amaran, hasrat itu telah dibatalkan. Maka mimbar itu dibiarkan kekal di Madinah.

Pada masa ini, ahli-ahli falak dan para penyelidik melaksanakan pemerhatian gerhana dengan tujuan-tujuan, antaranya seperti berikut:

- Menyemak kedudukan bulan baru dan waktu ijtimak (ketika gerhana matahari) dan kedudukan bulan fasa suku kedua atau bulan purnama (ketika gerhana bulan). Peristiwa ini boleh dianggap sebagai 'a self-correction mechanism' kepada semakan Takwim Islam
- Mengkaji fasa gerhana (sentuhan pertama, ke-2, maksimum, ke-3 dan ke-4)
- Merakam gambar dan video gerhana



Mengkaji fasa gerhana (sentuhan pertama, ke-2, maksimum, ke-3 dan ke-4)



Merakam gambar dan video gerhana




Gerhana Matahari Penuh
11 August 1999, Germany



Gerhana Matahari Cincin
22 August 1998, Mersing, Johor



Memahami fenomena *Baily's Beads*, *Shadowy effect*, *Diamond Ring*, kromosfera, prominens dan korona matahari



- Photosfera*: permukaan matahari yang bersinar
- Kromosfera*: lapisan tipis yang menyelaputi permukaan matahari, hembusan gas panas matahari beribu km tingginya
- Prominens*: rembesan lidah api matahari
- Korona*: lapisan cahaya biru yang mengelilingi matahari

Menjalankan cerapan ke atas bintang dan planet ketika gerhana matahari



Menilai kesan terhadap keadaan persekitaran (suhu, tekanan udara, cahaya, paras air laut, kelajuan angin, graviti dan sebagainya)

Mengkaji kesan ke atas hidupan flora dan fauna sebelum, semasa dan selepas gerhana matahari

Mengadakan eksperimen-eksperimen tertentu (telur tegak?)

Menjalankan aktiviti-aktiviti kerohanian iaitu sembahyang sunat *kusuf* (gerhana matahari), atau *khusuf* (gerhana bulan) serta mendengar khutbah mengenainya



Gerhana Matahari Penuh
11 August 1999, Germany



Gerhana Matahari Cincin
22 August 1998, Mersing

Meningkatkan keimanan melalui penghayatan kebesaran dan keagungan Allah S.W.T., sekali gus menghindarkan kepercayaan karut-marut yang sering dikaitkan dengan kejadian gerhana

Cara Solat Gerhana

Kusuf dari segi bahasa bermaksud terlindungnya cahaya matahari sama ada terlindungnya itu dalam bentuk jujuknya atau keseluruhannya. Khusuf pula mutlak digunakan untuk lindungan cahaya bulan secara jujuk atau pun keseluruhannya.

Masanya ialah bermula dari mula gerhana dan habis waktunya hingga hilang gerhana. Ada beberapa cara mengerjakan solat gerhana pengamalan zaman **Nabi Muhammad S.A.W.** Salah satu daripadanya adalah ianya boleh dikerjakan sebagaimana solat sunat biasa, iaitu:

Dikerjakan 2 rakaat, iaitu sesudah membaca al-Fatihah dan surah, lalu ruku. Kemudian iktidal dengan tamakninah, lakukan sujud yang pertama, duduk antara dua sujud, lalu sujud yang kedua, kemudian bangkit berdiri untuk rakaat yang kedua. Pada rakaat yang kedua ini, sama seperti rakaat pertama. Kemudian diakhiri dengan tahiyat.

Solat gerhana dapat dikerjakan secara berjemaah. Sebaiknya setelah solat dilakukan khutbah seperti pada solat hari raya. Isinya diarahkan kepada hal-hal yang bermanfaat, seperti anjuran taubat, sedekah, persatuan, amar makruf nahi mungkar; dan jangan lupakan keterangan tentang gerhana itu sendiri.

“Abdullah bin Amr bin r.a. berkata; “Ketika terjadi gerhana di masa **Nabi Muhammad S.A.W.** maka diserukan: “Ash-shalaatu jaami’ah (tegakkanlah solat berjemaah)”. Kemudian (di dalam solat) **Nabi Muhammad S.A.W.** ruku dua kali pula. Kemudian duduk dan selesai. Matahari sudah terang kembali. Siti Aishah berkata: “Belum pernah saya sujud lama, seperti lamanya sujud solat gerhana itu”. (Hadis Bukhari dan Muslim).


“Dan janganlah kamu sujud kepada matahari dan bulan, dan sujudlah kepada Allah yang menjadikan keduanya”

Surah As Sajdah Ayat 37

Pada tahun ini, Insya-Allah, rakyat Malaysia akan berpeluang untuk menyaksikan gerhana separa bulan (*Partial Eclipse of the Moon*) yang akan berlaku, mengikut kiraan, pada 17 Oktober 2005, iaitu pada hari yang ke-13/14 Ramadan 1426 Hijrah. Perjalanan bulan penuh (mengambang) melalui bayang bumi ditunjukkan di dalam rajah berikut:


Manakala maklumat bagi lokasi Kuala Lumpur mengenai gerhana ini yang juga merupakan fenomena yang terakhir dijangka akan berlaku dalam tahun ini adalah:

Partial Lunar Eclipse of 2005 Oct 17



File: /Users/.../...
Date: 10/17/2005

Partial Eclipse of the Moon
13/14 Ramadan 1426 H
17 October 2005 M



Partial Eclipse of the Moon
KUALA LUMPUR (E 101_ 42', N 03_ 09')
Zone: 8h East of Greenwich
13/14 Ramadan 1426 H
17 October 2005 M

	Moon's		
	MST	Azimuth	Altitude
	h m	o o	o
Moonrise	18:53	80.1	—
Moon enters umbra	19:34.0	80.3	9.1
Middle of eclipse	20:03.3	80.2	16.0
Moon leaves umbra	20:32.5	80.0	23.0
Moon leaves penumbra	22:15.1	77.2	47.5
Moonset	07:22	283.2	—

<http://aa.usno.navy.mil/data/docs/LunarEclipse.html#forma>

Wallahualam

Daftar Rujukan:

Azhari bin Mohamed (2005) *Keajaiban Angkasa Raya*. Program Kem dan Konvensyen Sains dan Teknologi Perdana 2005, Universiti Malaysia Sabah, Kota Kinabalu, 11 Jun

Azhari bin Mohamed (2004) *Ilmu Falak Syarie dan Anda*. Bengkel Falak dan Muktamar Persatuan Falak Syar'i Malaysia Kali ke 12, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, 9 September

Azhari Mohamed (1999) *Fenomena Gerhana (ppt)*. Kursus Falak Syarie Anjuran INSTUN, Hotel Grand Continental Kuala Terengganu, 26 November

B.E. Schaefer (1994) *Solar Eclipses That Changed the World*, Sky & Telescope, May, p36-39

<http://www.mail-archive.com/hizb@hizbi.net/msg15272.html>

<http://www.st-andreas.org/wwwboard/messages/76.html>

<http://aa.usno.navy.mil/data/docs/LunarEclipse.html#forma>



Laluan Sejarah di Jam Besar



Peranan JUPEM dalam penyelenggaraan Jam Besar di Bangunan Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur diiktiraf oleh agensi kerajaan yang lain sehingga kini. Tanggungjawab menjaga jam ini diberikan kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dengan peruntukan kos penyelenggaraan daripada Jabatan Perdana Menteri. Tujuan pemeliharaan Jam Besar di Bangunan Sultan Abdul Samad Kuala Lumpur ini



adalah untuk penggunaan awam di sekitar bangunan itu bagi melihat waktu sepanjang hari dan sebagai khazanah negara yang amat berharga dari peninggalan penjajah.

Sempena sambutan Minggu Warisan 2005 anjuran Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Warisan Malaysia (KeKKWa) pada 3 hingga 9 Disember 2005 bertempat di Arkib Negara Malaysia, Jalan Duta Kuala Lumpur, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM) dijemput memberi penerangan mengenai sejarah Jam Besar serta perkembangannya pada 5 Disember 2005, kepada peserta-peserta program Laluan Sejarah sempena sambutan Minggu Warisan di bawah pengelolaan Jabatan Muzium dan Antikuiti bagi menyemai kesedaran dan semangat patriotisme di kalangan masyarakat Malaysia.

Seramai empat orang petugas JUPEM telah memberi penerangan kepada peserta-peserta program ini setibanya mereka di Bangunan Sultan Abdul Samad, Jam Besar terletak di menara bangunan ini. Tuan Haji Jailaini Bahari mengetuai petugas JUPEM, memberi taklimat ringkas peranan JUPEM dalam kerja-kerja penyelenggaraan dan pemeliharaan khazanah negara ini agar kekal serta dapat berfungsi dengan baik bagi memudahkan orang ramai di sekitar bandar raya Kuala Lumpur mendapat manfaat daripada paparan waktu pada Jam Besar di sepanjang Jalan Sultan Abdul Samad. Di samping itu juga dapat ianya mengetengahkan khazanah dan warisan negara yang tidak ternilai serta mengembang dan menyerap minat orang ramai terhadap khazanah negara supaya semangat cintakan warisan negara dapat terus dihayati dan dipelihara. ■

Operasi Menyelamat Mangsa Banjir di Kelantan



Hujan lebat yang berlaku di negeri-negeri pantai timur ekoran musim monsun timur Laut pada bulan November dan Disember 2005 baru-baru ini telah menyebabkan paras air di beberapa batang sungai di negeri-negeri tersebut meningkat dengan mendadak dan mengakibatkan berlakunya banjir. Turut tidak terkecuali ialah Sungai Golok iaitu sungai yang menjadi sebahagian daripada sempadan antarabangsa negara ini dengan negara jiran Thailand. Limpahan air dari sungai berkenaan yang dilaporkan bermula sejak pukul 2:00

petang pada 17 Disember 2005, telah mengakibatkan banjir besar di pekan kecil Rantau Panjang, Kelantan Darul Naim.

Pasukan Ukur Sempadan Malaysia, yang ditempatkan di Kompleks Penggawa Kg. Bagus, Rantau Panjang untuk menjalankan kerja-kerja penandaan dan pengukuran sempadan tetap dan kekal sempadan antarabangsa Malaysia-Thailand di sepanjang Sungai Golok, turut dilantik menganggotai AJK Banjir Peringkat Daerah Rantau





Panjang tahun 2004/2005 sebagai salah satu agensi penyelamat setempat bagi tugas-tugas menyelamatkan dan pemindahan mangsa-mangsa banjir di sekitar Rantau Panjang. Seramai 10 orang anggota pasukan ukur tersebut yang bertugas dengan menggunakan tiga buah *rubber dinghy* jabatan dalam operasi kerja-kerja menyelamatkan ini telah membawa mangsa-mangsa banjir terlibat ke pusat pemindahan banjir yang telah ditetapkan untuk kawasan terjejas iaitu di Sekolah Rendah Kebangsaan Gual Tinggi, Rantau Panjang, Kelantan.

dihargai kerana sanggup mengetepikan kepentingan peribadi demi menyelamatkan peralatan dan kelengkapan ukur yang bernilai ribuan ringgit ke tempat yang selamat. Di samping itu juga, pihak berkuasa tempatan turut menyanjung khidmat bantuan anggota Pasukan Ukur Sempadan kerana telah memainkan peranan aktif dalam melaksanakan operasi kerja-kerja menyelamatkan mangsa banjir. Komitmen sebegini untuk membantu sesama insan sekali gus telah dapat mengharumkan nama JUPEM di kaca mata masyarakat setempat.

Dalam kesibukan membantu mangsa-mangsa banjir dan menyelamatkan peralatan serta kelengkapan ukur, ramai juga di kalangan anggota Pasukan Ukur Sempadan yang tidak sempat menyelamatkan kenderaan masing-masing daripada ditenggelami air banjir. Paras air di kem ukur yang terletak di Kg. Bagus, Rantau Panjang telah mencecah ke paras lebih kurang 1.5 meter dalam pada sebelah pagi 18 Disember 2005. Pengorbanan besar yang dilakukan oleh anggota Pasukan Ukur Sempadan wajar

Kerja-kerja menyelamatkan seterusnya ditangguhkan pada pukul 8:00 malam 19 Disember 2005 berikutan keadaan paras air banjir didapati mulai surut di kebanyakan tempat di sekitar pekan Rantau Panjang. Namun begitu, kesemua anggota agensi penyelamat masih diletakkan dalam keadaan berjaga-jaga bagi menghadapi sebarang kemungkinan dan risiko yang tidak diingini berlaku.

DISKUSI KERJAYA

JUPEM di UTM



Universiti Teknologi Malaysia (UTM) melalui Kelab Kejuruteraan Geomatik, telah mengundang pegawai JUPEM untuk menyampaikan ceramah bertajuk, 'Kerjaya JUPEM' pada 17 September 2005 bertempat di Dewan IBS UTM, Jalan Semarak, Kuala Lumpur. Pengarah Seksyen Perancangan, Penyelidikan dan Pembangunan, JUPEM, Encik Ahamad bin Zakaria telah hadir dan menyampaikan ceramah bagi pihak JUPEM.

Dalam ceramah yang telah disampaikan, beliau telah menyentuh pelbagai isu semasa yang berkaitan

dengan keperluan sumber manusia. Bagi mereka yang menceburi bidang ukur tanah sebagai kerjaya, mereka tidak perlu risau kerana peluang pekerjaan di sektor swasta dan kerajaan dalam bidang ini sentiasa terbuka, sebagai contoh di negara ini kita mempunyai Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).


Di JUPEM, warganya bertanggungjawab dalam menjalankan kerja-kerja ukur dan pemetaan seperti penandaan sempadan negeri dan antarabangsa, hak milik tanah, hak milik strata, hak milik stratum, hidrografi, dan astronomi.

Faktor ekonomi juga memainkan peranan dalam penentuan peluang-peluang pekerjaan di negara kita, contohnya krisis minyak dunia, krisis mata wang dunia, malapetaka, kestabilan politik dan lain-lain fenomena boleh mempengaruhi keperluan sumber manusia di negara kita.

Menurut beliau, JUPEM boleh mengatasi masalah yang timbul buat masa sekarang kerana JUPEM mempunyai kakitangan yang terlatih dan berkelulusan bagi memenuhi keperluan negara dalam perkhidmatan ukur dan pemetaan yang merupakan nadi pembangunan dan ekonomi negara. Penggunaan komputer di JUPEM bagi mempercepatkan aktiviti-aktiviti ukur dan pemetaan, memerlukan tenaga kerja yang ramai. Siswa dan siswi perlu melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan dalam bidang ukur tanah sebelum memasuki alam pekerjaan agar mereka menjadi pekerja yang cemerlang, gemilang dan terbilang. ■



Golf 120 Tahun JUPEM




Majlis Sukan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (MSJU) telah menganjurkan Kejohanan Golf sempena sambutan 120 Tahun JUPEM pada 3 Disember 2005 bertempat di Palm Garden Golf Club IOI Resort, Putrajaya. Sambutan yang menggalakkan diterima di kalangan peserta di mana seramai 77 orang telah mengambil bahagian.

Majlis penyampaian hadiah dipengerusikan oleh Encik Marzuki bin Mohd. Kassim dan hadiah telah disampaikan oleh Y.Bhg. Dato' Seri Dr. Isahak bin Yeop Mohamad Shar, Ketua Setiausaha, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar diiringi oleh Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. ■

Pertandingan dimulakan pada pukul 8:00 pagi dan berakhir pada pukul 1:30 petang. Kejohanan golf sempena 120 Tahun JUPEM telah dimenangi oleh Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Haji Jamel bin Haji Ahmad. Tempat kedua dimenangi oleh Encik Yong Lip Foo dan tempat ketiga dimenangi oleh Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Hashim.

Kejohanan Golf sempena 120 Tahun JUPEM telah dimenangi oleh Y.Bhg. Brig. Jen. (B) Dato' Haji Jamel bin Haji Ahmad.




JUPEM sertai Sukan NRE

Kejohanan Sukan *NRE* 2005 buat kali pertamanya dianjurkan telah berjaya disertai oleh semua 10 buah jabatan dan agensi di bawah Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (*NRE*). Sebanyak 19 acara sukan telah dipertandingkan. Kejohanan diadakan di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (*FRIM*) pada 8 hingga 10 Julai 2005.

JUPEM telah menghantar seramai 150 orang. Kontinjen yang diketuai oleh En. Wan Zainuddin Wan Yusoff selaku Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan Ukur Wilayah Persekutuan (*KSKUWP*) dan menyertai semua acara yang dipertandingkan. Turut hadir memberi sokongan kepada kontinjen JUPEM ialah Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia. Semangat kesukanan dan berpasukan yang ditunjukkan oleh kontinjen JUPEM telah berjaya menduduki naib johan dalam acara dam aji dan tempat ketiga dalam acara damak, sepak takraw, snuker dan tenis.

Secara keseluruhannya JUPEM telah menduduki tempat keenam dalam Kejohanan Sukan *NRE* 2005, yang telah dimenangi oleh kontinjen dari *FRIM*.

Dunia telah membuktikan bahawa sukan mampu untuk menjadi alat yang menggabungkan semua manusia, di samping itu objektif untuk mewujudkan persefahaman, semangat kekeluargaan dan hubungan muhibah di kalangan warga jabatan dan agensi di bawah *NRE* dapat dicapai menerusi kejohanan tersebut.



Hari Keluarga JUPEM Labuan





Jabatan Ukur dan Pemetaan W.P. Labuan (JUPEM Labuan) melalui Kelab Sukan dan Kebajikan telah berjaya mengadakan sambutan Hari Keluarga Jabatan ini pada 31 Ogos 2005 dari pukul 2:00 petang hingga 6:00 petang dan telah dirasmikan oleh Pengarah Ukur dan Pemetaan W.P. Labuan iaitu En. Che Mohamed Bakri bin Omar.

Seramai 61 kakitangan JUPEM Labuan termasuk 200 ahli keluarga serta rombongan seramai 32 orang ahli PUSPANITA dari Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur yang kebetulan dalam program lawatan mereka ke W.P. Labuan telah memeriahkan lagi suasana sambutan ini.

Antara acara yang diatur dalam sambutan Hari Keluarga JUPEM Labuan ialah sukaneka kategori kanak-kanak, dewasa dan suami isteri serta

pertandingan karaoke warga JUPEM dan cabutan tiket bertuah.

Acara penutup Hari Keluarga JUPEM Labuan diserikan lagi dengan persembahan koir dari kumpulan koir JUPEM W.P. Labuan serta bacaan doa selamat. ■



PESUMA 2005



Pesta Sukan Ukur Se Malaysia ke 27 (PESUMA 2005) telah diadakan di Kuala Terengganu, Terengganu pada 6 hingga 9 Ogos 2005. Pesta Sukan dwi tahunan anjuran bersama Majlis Sukan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dengan Kelab Sukan dan Kebajikan Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu selaku tuan rumah telah dapat disempurnakan dengan jayanya.

PESUMA 2005 telah dirasmikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Belia & Sukan dan Badan Bukan Kerajaan, Y.B. Tuan Haji Din bin Adam yang mewakili Y.A.B. Menteri Besar Terengganu pada 6 Ogos 2005 pukul 8:30 malam, di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah Kuala Terengganu, Terengganu. Acara perbarisan dan lintas hormat semasa majlis perasmian telah diiringi oleh anggota 18 Rejimen Askar Melayu Diraja (RAMD) Seberang Takir, Kuala Terengganu.



Sejumlah 13 acara sukan bagi merebut piala pusingan dan dua acara jemputan telah dipertandingkan. Dalam acara jemputan golf, johan telah dimenangi oleh Encik Mohd. Latif bin Zainal, naib johan ialah Encik Yong Lip Foo dan Encik Mohd. Maideen bin Mustafah di tempat ketiga. Bagi acara jemputan Boling Padang (3 sepasukan), johan telah dimenangi oleh Tuan Haji Kamali bin Adimin, Tuan Haji Ismail bin Yusof dan Encik Wan Darani bin Abd. Rahman, naib johan dimenangi oleh Encik Wan Zainuddin bin Wan Yusof, Encik Sohaime bin Rasidi dan Encik Ali bin Ahmad, sementara tempat ketiga pula dimenangi oleh Encik Teng Chee Boo, Dr. Teng Chee Hua dan Encik Tan Ah Bah.

PESUMA 2005 telah disertai oleh 16 pasukan ahli gabungan terdiri dari Terengganu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/Putrajaya, Selangor,





Pulau Pinang, Pahang, Perlis, Kedah, Johor, Negeri Sembilan, Melaka, Kelantan, Wilayah Persekutuan Labuan, Sarawak, Sabah, Perak dan INSTUN. Jabatan Tanah Ukur Sabah dan Jabatan Ukur Negara Brunei turut hadir sebagai pasukan jemputan.

Johan keseluruhan Piala Pusingan Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali telah dimenangi oleh Terengganu dengan memperoleh 11 mata daripada kesemua acara sukan yang dipertandingkan.

Majlis penutup PESUMA 2005 telah disempurnakan oleh Y.Bhg. Dr. Abdul Kadir bin Taib, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia mewakili Y.Bhg. Dato' Hamid bin Ali, Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia pada 9 Ogos 2005 pukul 8:45 pagi di Kolej Agama Sultan Zainal Abidin (KUSZA). Majlis penutup dimeriahkan lagi dengan acara tarik tali di antara pasukan Ibu Pejabat JUPEM Kuala Lumpur dan pasukan Pengarah-pengarah Negeri.

Acara penyampaian hadiah dan piala pusingan telah disempurnakan oleh penyumbang piala pusingan tersebut dan piala johan keseluruhan disampaikan oleh Y.Bhg. Dr. Abdul Kadir bin Taib, Timbalan Ketua Pengarah Ukur dan Pemetaan Malaysia.

Upacara penyerahan bendera kejohanan telah mengakhiri kejohanan sukan PESUMA 2005 di mana ia telah disempurnakan oleh Tuan Haji Hamdani bin Haji Sadiman, Pengarah Ukur JUPEM Terengganu kepada En. Wan Zainuddin bin Wan Yusoff selaku Yang Dipertua Kelab Sukan dan Kebajikan Ukur Wilayah Persekutuan (KSKUWP) yang akan menjadi tuan rumah PESUMA 2007.

